



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**MAJLIS PENGURNIAAN ANUGERAH KECEMERLANGAN
DAN KHATAM HAFAZAN AL-QURAN
MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG 2019**

PADA

**21 JUN 2019 [JUMAAT]
BERSAMAAN 17 SYAWAL 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**GRAND BALLROOM, HOTEL ZENITH,
KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

SEGALA PUJI-PUJIAN KEPADA ALLAH YANG MAHA ESA; TUHAN YANG MEMILIKI SEKALIAN ALAM. SELAWAT SERTA SALAM KEPADA JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASSALAM; SERTA KEPADA PARA SAHABAT DAN KELUARGA BAGINDA.

ALHAMDULILLAH. BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA-NYA; DAPAT SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG BERANGKAT HADIR MERAIKAN MAJLIS PENGURNIAAN ANUGERAH CEMERLANG DAN KHATAM HAFAZAN AL-QURAN MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG 2019.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

AL-QURAN TELAH DITURUNKAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA SEBAGAI SUMBER PERUNDANGAN ISLAM DAN TURUT MERANGKUMI PELBAGAI JENIS ILMU UNTUK DI-MANFAATKAN DI DALAM KEHIDUPAN DUNIA DAN AKHIRAT.

ALLAH SUBHANAHU WATAALA BERFIRMAN DALAM SURAH AL-ISRAQ; AYAT 9; YANG BERMAKSUD:

“SESUNGGUHNYA AL-QURAN INI MEMBERIKAN PETUNJUK KE JALAN YANG AMAT BETUL (AGAMA ISLAM) DAN MEMBERIKAN BERITA YANG MENGGEMBIRAKAN ORANG-ORANG YANG BERIMAN YANG MENGERJAKAN AMAL-AMAL SOLEH; BAHAWA MEREKA BEROLEH PAHALA YANG BESAR.”

JUSTERU, UMAT ISLAM HENDAKLAH SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMBACA, MENGAJI DAN MEMELIHARA KITAB YANG BERUPA SEBAGAI MANUAL KEHIDUPAN DAN PETUNJUK KE JALAN YANG SEBAIK-BAIKNYA. SALAH SATU CARA BAGI MENCAPI OBJEKTIF TERSEBUT ADALAH MENERUSI PENGHAFALAN AL-QURAN.

AHLI AL-QURAN DAN PENGHAFAZ AL-QURAN BUKAN SAHAJA DIBERI KEISTIMEWAAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA SEMASA DI DUNIA; MALAHAN AKAN TURUT DIBERI KELEBIHAN DI AKHIRAT KELAK.

NAMUN JIKA DI LIHAT DARI SUDUT YANG LEBIH LUAS; PEMBENTUKAN UMAT PENGHAFAZ AL-QURAN BOLEH MEMBAWA IMPAK KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN SERTA KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM KESELURUHANNYA.

MODAL INSAN ISLAM YANG SEWAJARNYA KITA LAHIRKAN; HENDAKLAH JUGA BERUPAYA MENGUASAI PELBAGAI ILMU DENGAN BAIK. MELALUI INTEGRASI MODAL INSAN YANG MEMILIKI KEPELBAGAIAN ILMU DAN BOLEH PULA MENGHAFAZ AL-QURAN; SAYA PERCAYA AKAN LAHIRLAH “GENERASI PINTAR” YANG BERUPAYA MEMBELA UGAMA, BERBAKTI KEPADA BANGSA DAN MEMBAWA RAHMAT KEPADA SEKALIAN UMMAH. KEMUNCACKNYA; AKAN LAHIRLAH TAMADUN ISLAM YANG UNGGUL.

UMAT ISLAM PERLU MENYEDARI; BAHAWA UNTUK BERTEDUH DI BAWAH PAYUNG RAHMAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA; KITA HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU MEMPERBAIKI DIRI, BERSATU SERTA BERSEPAKAT DALAM MENEGAKKAN HUKUM ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

MENYEDARI HAKIKAT INI; SAYA SELAKU YANG DI-PERTUAN AGONG TELAH MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENUBUHKAN MAJLIS MUNAQASYAH PENGURUSAN HAL-EHWAL ISLAM BAGI NEGERI-NEGERI YANG DINAUNGI OLEH SAYA.

MESYUARAT PERTAMA TELAH DIADAKAN SEMALAM DI ISTANA NEGARA DAN BANYAK PERKARA YANG TELAH DIBAHAS SERTA DIBINCANGKAN. MUNAQASYAH INI AKAN SAYA JADIKAN SEBAGAI PLATFORM UTAMA UNTUK MENASIHATI, MEMBANTU SERTA MEMBERI PANDANGAN KEPADA SAYA BERHUBUNG PENGURUSAN HAL-EHWAL ISLAM.

KEMUNCAK OBJEKTIFNYA; IALAH PENYATUAN SELURUH UMAT ISLAM DAN MENEGAKKAN SYIAR ISLAM YANG DITUNTUT OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

SAYA YAKIN DAN PERCAYA; JIKA SELURUH UMAT ISLAM TURUT MENGAMBIL PENDEKATAN YANG SAMA IAITU BERSATU KEPADA AJARAN ISLAM YANG SATU; SERTA MENGAMALKAN ILMU AL-QURAN; NESCAYA PELBAGAI CABARAN DAN RINTANGAN YANG BERLAWANAN DENGAN SYARIAH ISLAM AKAN DAPAT KITA HADAPI BERSAMA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

SAYA INGIN MENZAHIRKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN NEGERI PAHANG DAN YAYASAN PAHANG YANG SECARA BERTERUSAN TELAH MEMBANTU PEMBANGUNAN SERTA KEJAYAAN MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG.

SAYA TELAH DISEMBAH MAKLUM BAHAWA MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG TELAH MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG TERBAIK DI PERINGKAT DIPLOMA, SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DAN JUGA KO-KURIKULUM. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN.

NAMUN DEMIKIAN; MASIH BANYAK LAGI PUSAT TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PAHANG YANG BELUM BERDAFTAR DENGAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG.

SAYA MENGGESA AGAR PUSAT-PUSAT TAHFIZ YANG MASIH BELUM LAGI MENDAFTAR INI; HENDAKLAH SEGARA DIDAFTARKAN.

MELALUI PENDAFTARAN INI KELAK; PIHAK KERAJAAN DAN MAJLIS UGAMA ISLAM AKAN DAPAT MENGAWAL-SELIA PUSAT-PUSAT TAHFIZ TERSEBUT DARI ASPEK KESELAMATAN, KEWANGAN DAN SISTEM PEMBELAJARAN YANG MENGIKUT ARUS PERDANA.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA INGIN MERAKAMKAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG DAN SEMUA TENAGA PENGAJAR YANG TELAH BERJAYA MELAHIRKAN "GENERASI PINTAR" MODAL INSAN ISLAM UNTUK MASA DEPAN UMMAH.

KEPADA SEMUA ANAK-ANAK YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DAN JUGA YANG MENERIMA ANUGERAH CEMERLANG PADA HARI INI; SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH.

INGATLAH; KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI ADALAH JUGA BERKAT SOKONGAN SERTA DORONGAN DARI IBU BAPA DAN TENAGA PENGAJAR.

MAKA; DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA MERASMI MAJLIS PENGURNIAAN ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN KHATAM HAFAZAN AL-QURAN MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته